



**PROMOSI BERSAMA
BANK ISLAM x ERL
(1 Januari 2025 – 31 Mac 2026)**



BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
198301002944(98127X)

TERMA DAN SYARAT PROMOSI

**Promosi : Diskaun 20% di Pintu KLIA Ekspres/KLIA Transit Dengan Kad-i Bank Islam
(Kad Kredit-i/Kad Debit-i)**

Tempoh Sah: 1 Januari 2025 – 31 Mac 2026

TERMA DAN SYARAT

1. Tawaran: Diskaun 20% diberikan kepada setiap transaksi tanpa sentuh berdasarkan tambang penuh bagi perjalanan Sehalu untuk Dewasa di pintu masuk KLIA Ekspres atau KLIA Transit menggunakan Kad-i Bank Islam (Kad Kredit-i/Kad Debit-i).
2. Tempoh kempen: Dari 1 Januari 2025 hingga 31 Mac 2026
3. Promosi ini ditawarkan untuk perkhidmatan tren KLIA Ekspres dan KLIA Transit.
4. Diskaun ini tidak boleh diguna pakai untuk produk, tambang, atau pakej lain.
5. Potongan diskaun akan dibuat di pintu keluar dari ruang berbayar stesen.
6. Diskaun ini tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh digunakan bersama promosi, diskaun atau baucar lain yang sedang berlangsung.
7. Diskaun ini tidak boleh digunakan untuk saluran pembayaran yang lain seperti laman web KLIA Ekspres, kiosk layan diri atau kaunter tiket.
8. Promosi ini tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau produk atau perkhidmatan lain.
9. Setelah transaksi dilakukan, bayaran balik tidak dibenarkan.
10. Semua transaksi yang dibuat menggunakan Dompot Digital di Pintu Masuk KLIA Ekspres/KLIA Transit tidak layak untuk menerima diskaun ini.



**PROMOSI BERSAMA
BANK ISLAM x ERL
(1 Januari 2025 – 31 Mac 2026)**



TERMA DAN SYARAT PROMOSI

**Promosi : Diskaun 20% di Pintu KLIA Ekspres/KLIA Transit Dengan Kad-i Bank Islam
(Kad Kredit-i/Kad Debit-i)**

Tempoh Sah: 1 Januari 2025 – 31 Mac 2026

TERMA DAN SYARAT

11. Bank Islam dan Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung promosi ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam, di stesen ERL, media sosial dan laman sesawang ERL. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan promosi, tidak membolehkan Ahli Kad-i yang menyertai promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam dan/atau ERL bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad-i sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
12. Dengan menyertai promosi ini, Ahli Kad-i Bank Islam bersetuju mematuhi terma dan syarat promosi seperti yang ditetapkan dan/atau dipinda oleh ERL dan/atau Bank Islam dari semasa ke semasa.
13. ERL adalah penyedia tunggal semua perkhidmatan tren dan tambang tiket di bawah promosi ini. Tiket tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan, dan juga syarat-syarat yang dinyatakan dalam Syarat Pengangkutan ERL. Syarat Pengangkutan ERL boleh didapati di kaunter dan di laman web www.KLIAekspres.com. Dengan menyertai promosi ini, Ahli Kad-i bersetuju untuk mematuhi tambang tiket ERL dan Syarat Pengangkutan.
14. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, keputusan ERL dan Bank Islam adalah muktamad.
15. Terma dan syarat ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa yang eksklusif terhadap sebarang pertikaian yang timbul atau berhubung dengan promosi atau terma dan syarat ini.



**PROMOSI BERSAMA
BANK ISLAM x ERL
(1 Januari 2025 – 31 Mac 2026)**

BANK ISLAM

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
198301002944(98127X)

TERMA DAN SYARAT PROMOSI

**Promosi : Diskaun 20% di Pintu KLIA Ekspres/KLIA Transit Dengan Kad-i Bank Islam
(Kad Kredit-i/Kad Debit-i)**

Tempoh Sah: 1 Januari 2025 – 31 Mac 2026

SYARAT AM

1. Ahli Kad-i adalah dinasihati supaya membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen kami.
2. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat Produk/Pembiayaan. Sekiranya ada di antara Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen/Promosi ini.
3. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad-i bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah- Mahkamah Malaysia.
4. Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>.



**PROMOSI BERSAMA
BANK ISLAM x ERL
(1 Januari 2025 – 31 Mac 2026)**

BANK ISLAM

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
196301002944(98127X)

TERMA DAN SYARAT PROMOSI

**Promosi: Diskaun 20% di Pintu KLIA Ekspres/KLIA Transit Dengan Kad-i Bank Islam
(Kad Kredit-i/Kad Debit-i)**

Tempoh Sah: 1 Januari 2025 – 31 Mac 2026

PENAFIAN

1. Bank Islam tidak bertanggungjawab di atas sebarang tuntutan, kehilangan atau kerosakan, dan hal-hal lain yang timbul berkaitan dengan promosi ini.
2. Terma-terma dan Syarat-syarat Kad-i Bank Islam akan terus terpakai sebagai Terma-terma dan Syarat-syarat utama di samping Terma-terma dan Syarat-syarat untuk promosi ini.
3. Semua Ahli Kad-i dinasihatkan untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah semasa menikmati promosi ini.
4. Bayaran mesti dilakukan menggunakan Kad-i Bank Islam.
5. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan mana-mana promosi, keputusan dari pihak ERL dan Bank Islam adalah muktamad.
6. Ahli Kad-i dinasihatkan untuk melayari laman sesawang <https://www.bankislam.com/erlx/> atau www.KLIAekspres.com untuk maklumat lanjut.